

05/10/1998

Kebebasan media Malaysia lebih beretika

Nik Yahya Abd Rahman

MALAYSIA mempunyai hala tuju dan sasaran pembentukan media mengikut acuan yang dapat diterima umum mengikut prinsip, falsafah, wacana dan bentuknya yang tersendiri. Dasar liberal kerajaan terhadap kebebasan media membuka lembaran baru kepada proses pembangunan dunia kewartawanan di negara ini. Ia melonjakkan sikap yang lebih realistik, mapan dan berhemat dalam usaha merealisasikan hak wartawan dan kebebasan media.

Banyak pihak begitu berminat untuk menilai bentuk dan wacana media massa negara, sama ada media cetak atau media elektronik yang memerlukan kepada prinsip keharmonian bangsa dan agama yang tidak berbau perkauman. Ini bertentangan dengan maklumat dan berita yang dibentuk Barat mengikut kaca mata mereka yang tidak mengambil kira aspek berkenaan. Ada yang menuduh "kebebasan media" di negara ini sudah mati, lebih-lebih lagi melihat media hari ini menjurus kepada pembinaan dan pengisian budaya dan nilai keagamaan dan falsafah berkaitannya serta nilai ketimuran yang unggul.

Malaysia pernah menyarankan di Persidangan Menteri Penerangan Islam di Jeddah supaya mewujudkan Wawasan Islam bagi mengelakkan media Barat yang begitu antagonistik terhadap Islam dan dunia Islam. Ini dibuktikan dengan kajian Prof James F Larson (1978) yang mendapati berita Dunia Ketiga yang disiarkan di media massa Amerika Syarikat dibuat dari kaca mata Barat.

Dalam hubungan ini, apakah bentuk sistem sosial dan fungsi media di negara ini pada era Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad? Ini boleh digarap melalui ucapannya mengenai peranan dan kebebasan media di negara ini.

Bermula dengan ucapan pada Majlis Jamuan Makan Malam Anjuran Kelab Kebangsaan Wartawan Malaysia (12 Oktober 1981), Dr Mahathir menegaskan: "Untuk mewujudkan demokrasi, kita memerlukan masyarakat bermaklumat yang akan membuat keputusan dan hala tuju kerajaan. Di samping itu, parti yang dipilih rakyat akan diyakini untuk melaksanakan dan menyambung dasar yang dipersetujui."

Dr Mahathir berkata: "Rakyat yang mengetahui isu secara menyeluruh boleh membuat keputusan tepat mengenai parti mana yang patut membentuk kerajaan. Oleh itu, peranan utama media dalam sebuah negara demokratik ialah untuk mendidik dan memaklumkan kepada masyarakat isu-isu yang timbul untuk membolehkan mereka membuat pilihan."

Ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah media Malaysia (28 November 1982), beliau berkata wartawan dan media adalah suatu kuasa dalam negara untuk menjelaskan matlamat dan dasar kerajaan termasuk "Dasar Pandang Ke Timur" bagi diterapkan dalam budaya bekerja rakyat. Pada Simposium Ke Arah Dasar Komunikasi Negara (6 Ogos 1983), Dr Mahathir mengajak media memainkan peranan menyuluh "wawasannya" kepada rakyat. Katanya, ini dapat dimainkan dengan kesungguhan media bukannya sesuatu secara kebetulan tetapi bersifat integrasi. Beliau berkata, dalam pembentukan Dasar Komunikasi Negara, media tidak boleh khayal dengan konsep kebebasan kebaratan dan prinsip "hak untuk berkomunikasi" serta melihatnya sebagai suatu kekosongan.

Dr Mahathir berkata: "Kebebasan mutlak tidak wujud di mana-mana jua, walaupun di negara yang dianggap paling liberal. Kebebasan harus menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat dan negara di dalam konteks yang tertentu. Kebebasan adalah kebaikan dan bukan untuk kemusnahan dan keruntuhan."

Pada Majlis Penyampaian Hadiah Kewartawanan Malaysia (12 Disember 1983) pula, Dr Mahathir menekankan mengenai laporan yang ditulis wartawan

hendaklah objektif, seimbang dan membina bagi mengelakkan sebarang kemusykilan di kalangan rakyat. Ini tidak bermakna rencana yang kritikal dan menegur, tidak boleh diterbitkan.

Dr Mahathir menegaskan kerajaan mengalu-alukan teguran dan pendedahan. Dengan cara itu akan wujud timbal-balas yang perlu dikaji dan sekiranya ada kebenaran, keadaan akan diperbetulkan. Kewibawaan dan kesungguhan serta kesanggupan media massa memainkan peranan adalah prasyarat yang penting. Beliau berharap wartawan Malaysia mempunyai sikap percaya pada diri sendiri dan menulis sesuatu isu berdasarkan kaca mata sendiri tanpa bergantung kepada punca tradisional.

Berucap Pada Majlis Penyampaian Hadiah Kewartawanan (9 November 1984), Dr Mahathir menekankan 'kuasa' di dalam masyarakat yang mana, media berkuasa menegak dan menjatuhkan sesuatu pemerintahan. Media di negara ini di nasihatkan supaya tidak menjadi tali barut asing dengan niat buruk terhadap negara ini. Pada masa yang sama, dalam mewujudkan kebebasan media, seharusnya wartawan negara ini tidak termasuk di kalangan yang menyuarakan kepentingan golongan tertentu. Dengan cara itu, kebebasan media akan hancur dan hanyut dibawa arus.

Dr Mahathir tegas menyuarakan pendapatnya pada Majlis makan Malam Wartawan (10 Mac 1986) dengan menyelar segelintir wartawan yang melabelkan beliau sebagai terlalu keras dan pedas dalam hujahnya. Gelaran berkenaan muncul, apabila Dr Mahathir membuat pelbagai perubahan termasuk, pengenalan konsep "Bersih, Cekap dan Amanah (BCA)" dan "Proses Industrialisasi". Kononnya konsep berkenaan tidak akan berjaya membawa perubahan kepada negara ini.

Berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah Kewartawanan Malaysia (20 Ogos 1986) selepas memenangi pilihan raya umum 1986, Dr Mahathir menegaskan beliau tidak begitu gembira dengan segelintir wartawan yang boleh dibeli Zionis dan Yahudi. Dr Mahathir berkata, beliau nampak sesebuah media mengikut siapa yang berkuasa ke atas mereka. Mereka akan memberikan liputan berat sebelah. Justeru, wartawan tidak harus menempelak kerajaan dengan sewenang-wenangnya.

Di sini bermakna, Dr Mahathir meminta wartawan menegur kerajaan dengan idea bernas, bukannya membangkitkan isu yang boleh menggugat keselamatan dan ekonomi negara.

Pada 1986 buat pertama kalinya Dr Mahathir berucap pada Majlis Polis dan Media. Beliau melahirkan perasaannya mengenai peranan yang boleh dimainkan media sama ada untuk meningkatkan kesejahteraan atau kegelisahan orang ramai. Media juga katanya, berperanan untuk merapatkan hubungan masyarakat dengan polis. Melalui perhubungan yang erat akan mewujudkan fakta yang tepat, adil, membina dan benar terhadap apa yang mereka laporkan. Kerajaan memerlukan kritikan yang membina, bukannya menghentam membuta tuli.

Pada Majlis Minggu Penyiaran Angkasapuri pada 27 Disember 1987 pula, Dr Mahathir berpendapat "input" daripada rakyat penting untuk melaksanakan pembangunan. Justeru itu, peranan yang dimainkan media dan penyiaran (Radio Televisyen Malaysia/RTM) penting.

Pada 19 November 1998, pada Majlis Malam Wartawan Malaysia, Dr Mahathir menyifatkan "kebebasan media" sebagai "rukun demokrasi." Katanya, kebebasan media adalah satu cara mempertahankan demokrasi. Sebagai alat untuk membentuk peribadi sesuai dengan kemajuan, katanya, media perlu memainkan peranan ke arah itu.

Pada majlis Makan Malam Kesatuan Wartawan Kebangsaan (15 Jun 1990), Dr Mahathir berkata peranan media penting di dalam menentukan sokongan rakyat. Media yang menentang kerajaan, bukan semestinya bebas, begitulah sebaliknya.

Berdasarkan ucapan Perdana Menteri, boleh dirumuskan beliau mahukan kebebasan media mengikut cara negara ini sendiri - bebas dan

bertanggungjawab. Justeru, seperti yang disentuh Arnold M Baran, Stave M Cristol dan Frank J.Kopec (1987) berkaitan perancangan media dapat dilakukan melalui "...arah tindakan yang menunjukkan bagaimana masa dan ruang pengiklanan akan digunakan untuk menyumbang pencapaian objektif pemasaran". Biarpun, Dr Mahathir bukannya mengiklankan barangannya - "kebebasan media", namun masyarakat dapat menilai betapa harapannya supaya media di Malaysia dapat memahami hasrat beliau supaya media menjadi ejen pembangunan dan perubahan negara.

(END)